KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL SUNGAI BULOH

# TAWARAN SEBUT HARGA HSgB.PENG.37/2026

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan dalam **NEGERI SELANGOR sahaja** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** mengikut kelayakan seperti di bawah:

| BUTIRAN SEBUT HARGA | SYARAT KELAYAKAN | TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK |
|---|---|---|
| **NO. SEBUT HARGA**<br>HSgB.PENG.37/2026<br><br>**TAJUK SEBUT HARGA**<br>KERJA-KERJA NAIK TARAF ASRAMA LELAKI JKR 39 KEPADA KLINIK DERMATOLOGI DI PUSAT KAWALAN KUSTA NEGARA (PKKN) HOSPITAL SUNGAI BULOH DI SELANGOR<br><br>**TARIKH BUKA SEBUT HARGA**<br>8 April 2026 (Rabu)<br><br>**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA**<br>24 April 2026 (Jumaat) pada jam 12.00 tengahari | **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM/CIDB)**<br><br>**Gred : G2**<br>**Kategori : B**<br>**Pengkhususan : B04, B24, B28**<br><br>**Sesi taklimat & lawatan tapak, Kontraktor dikehendaki membawa Kad Pengenalan serta salinan sijil (tidak dikembalikan):**<br>i. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB;<br>ii. Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB;<br>iii. Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan<br>iv. Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor | **TARIKH**<br>15 April 2026 (Rabu)<br><br>**MASA**<br>2.30 petang<br><br>**TEMPAT**<br>Bilik Mesyuarat Pentadbiran, Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Hospital Sungai Buloh<br><br>**KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN**<br>Hanya **PENAMA** di dalam sijil yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak serta tidak boleh mewakilkan pegawai lain. |

1. Dokumen sebut harga boleh diperolehi secara PERCUMA di **Unit Perolehan, Bahagian Perolehan dan Aset, Aras 2, Jabatan Pengurusan, Hospital Sungai Buloh** semasa waktu pejabat mulai **9.00 pagi – 12.00 tengah hari / 2.00 – 4.00 petang (Isnin – Khamis) dan 9.00 pagi – 12.00 tengah hari / 3.00 - 4.00 petang (Jumaat)** dengan menunjukkan **SIJIL ASAL Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB** dengan kod bidang seperti di atas yang mana tempoh pendaftaran adalah masih aktif.
2. Sila bawa **Cop Syarikat** (beralamat) untuk tujuan pendaftaran dan pengambilan dokumen sebut harga. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga yang telah menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja.
3. Dokumen tawaran sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **NO. TAWARAN : HSgB.PENG.37/2026** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang ditetapkan di **Aras 2, Jabatan Pengurusan, Hospital Sungai Buloh, sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 24 April 2026 (Jumaat).** Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dialamatkan kepada :-

   **Pengarah,**
   **Hospital Sungai Buloh,**
   **Jalan Hospital,**
   **47000 Sungai Buloh,**
   **Selangor Darul Ehsan.**
4. Tawaran sebut harga yang diserahkan **selepas jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup sebut harga **tidak akan diterima** atau dipertimbangkan oleh pihak Hospital. Hospital Sungai Buloh tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**Tandatangan :**
**Nama Pegawai :** DR. JASMEET SINGH A/L SUCHA SINGH
**Jawatan :** PENGARAH HOSPITAL
HOSPITAL SUNGAI BULOH, SELANGOR
(MMC NO: 38937)

UNIT PEROLEHAN HOSPITAL SUNGAI BULOH 47000 SG. BULOH